

ADAKAH SELAMAT BERMAIN BOWLING PADA ERA COVID-19?

Roger Gani & & Mohamad Nizam Bin Nazarudin
Fakulti Psikologi & Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah

Pandemik covid-19 telah memberi kesan kepada setiap masyarakat di setiap pelusuk negara. Hal ini kerana, ia telah membawa kepada norma baharu yang telah mengubah amalan masyarakat. Setiap individu akan terkesan akibat daripada pandemik covid-19 termasuk atlet-atlet. Amalan gaya hidup sihat seperti bersukan telah terjejas akibat daripada pandemik yang sedang melanda setiap negara. Norma baharu telah mengubah setiap corak kehidupan dimana mengalakkan setiap individu untuk kekal berada dalam rumah. Amalan seperti mengelakkan daripada 3S iaitu Sesak, Sempit dan Sembang dekat. Amalan cegah covid-19 iaitu dengan kerap membasuh tangan, penjarakan sosial dan mengunakkan pelitup muka harus diambil serius.

Namun begitu, risiko untuk setiap individu dijangkiti covid-19 masih tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap individu yang berada diluar berisiko dijangkiti oleh individu yang kurang mengambil berat terhadap norma baharu. Setiap individu perlulah mementingkan kawalan kendiri demi melindungi diri dan orang yang dikenali daripada dijangkiti wabak ini. Bagi meneruskan momentum untuk mengurangkan kes-kes Covid-19, norma baharu kehidupan perlulah dijadikan amalan secara berterusan. Setiap individu pula perlu mengambil tanggungjawab sosial dan memainkan peranan masing-masing untuk mengamalkan norma kehidupan yang baharu ini di semua peringkat dan lapisan umur dalam masyarakat.

Dalam konteks sukan pula, gaya hidup harian atlet pasti berubah dalam melalui kehidupan normal yang berbeza dan baharu. Hal ini akan akan menyebabkan atlet menghadapi cabaran besar sama ada dalam sukan individu mahu pun dalam berpasukan. Dalam hal ini, setiap individu haruslah menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk sama-sama menjaga sesama sendiri. Seorang individu itu haruslah memiliki kefahaman, kematangan dan kesabaran untuk saling berkerjasama dengan mana-mana pihak mahupun organisasi walaupun sukar untuk mengamalkan normal baharu dalam kehidupan seharian.

Kehidupan harian seorang atlet pastilah berubah disebabkan oleh wabak yang sedang melanda. Atlet pasti akan menghadapi masalah-masalah yang disebabkan oleh peraturan atau undang-undang yang wujud. Sebagai contoh, pasti akan ada atlet yang berasa tidak bebas dan selesa disebabkan oleh normal baharu ini dan mungkin akan melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh dalam sukan Bowling, sukan ini perlu berlatih dengan menjauhkan diri daripada sesak, sentiasa membasmikan kuman secara rutin dan sukan ini tidak terhalang dengan pemakaian topeng muka.

Sebelum wabak Covid-19 melanda, sukan ini membolehkan pemain untuk memilih bola selepas membuat balingan tetapi pada masa ini pihak pengurusan tidak mengalakkan pemain bergantiganti bola bagi mengelakkan jangkitan antara pemain. Selain itu, penggunaan ‘hand sanitizer’ atau cecair pembasmikan kuman haruslah sentiasa digunakan serta diambil berat dan menjadi prosedur biasa di pusat boling. Pada masa ini, pembasmian kuman pada bola boling juga

merupakan sebahagian dari rutin pembersihan. Akibatnya, pemain boling, tidak lagi dibenarkan memilih bola mereka dari rak seperti yang mereka lakukan sebelum wabak Covid-19 melanda.

Banyak pusat boling menggunakan setiap lorong berlainan dan tidak mengambil kumpulan atau acara secara besar-besaran untuk mengelakkan daripada kesesakan sehingga SOP diabaikan. Pada masa ini pihak pengajur sukan ini lebih mementingkan permain secara individu kerana ingin mengelakkan suasana yang sesak. Semua kemudahan boling yang beroperasi mesti menggunakan prosedur bertulis untuk keselamatan pekerja dan pelanggan bagi mengelakkan risiko kepada individu yang menyertai. Pemain juga diminta untuk mengikuti syarat-syarat , keselamatan dan kesihatan. Antara syarat-syarat baru yang telah diubah selepas wabak Covid-19 melanda ialah, hanya dua pemain boling dibenarkan berada setiap Lorong. Penonton juga tidak dibenarkan untuk menonton perlawanan secara bersemuka. Pemain boling mesti menjaga jarak 6 kaki antara pemain boling di lorong lain dan di kawasan yang digunakan bagi mengelakkan sebarang kebarangkalian berlaku.

Dari segi kemudahan pula, berkongsi peralatan tidak dibenarkan bagi mengelakkan jangkitan berlaku hasil daripada perkongsian alat dan pemain juga tidak boleh bertukar antara pasukan dalam permainan liga. Lorong individu diperuntukkan masa setiap 15 minit bagi pengguna untuk membersihkan dan pembersihan lorong sebelum digunakan oleh pemain lain. Kasut dan bola, termasuk lubang jari, mesti dibasmi kuman setelah setiap kali pemain menggunakannya. Arked dan aktiviti hiburan di pusat boling perlu ditutup. Sukan bowling hanya dibuka bagi kejohanan ataupun liga yang telah dibenarkan. Restoran dan kedai mematuhi garis panduan yang diperlukan untuk perkhidmatan makanan dan peruncitan untuk fasa Covid-19 Penggunaan pelitup muka diwajibkan setiap masa bagi mengelakkan daripada jangkitan wabak Covid-19 berlaku.